

Debaran Teater Kebangsaan



10 - 15 November '97

8.00 Malam

Tempat: Auditorium Utama Matic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur



Anjuran:
Kementerian Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan Malaysia



Dengan Kerjasama:
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia




Dewan Bahasa dan Pustaka

TUJUAN

- Menyediakan ruang dan peluang ke arah pembangunan seni teater tanah air.
- Melahirkan kumpulan teater yang mantap dan mempunyai kepekaan terhadap keperluan persekitaran serta selaras dengan hasrat pembangunan negara.
- Menyediakan ruang perkembangan teater sebagai satu media kebudayaan yang berkesan.
- Menyalurkan mesej kemanusiaan.
- Membangunkan satu tradisi berteater untuk tujuan pendidikan masyarakat Malaysia.



SEINDAH BUDAYA



KEMENTERIAN Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia sekali lagi berkesempatan menganjurkan Pekan Teater 1997 untuk kali kelapan yang sentiasa menjadi impian aktivis-aktivis teater sejak dari tahun 1990 lagi.

Sensitiviti dan kreativiti yang terserlah oleh aktivis teater diharap akan dapat melahirkan generasi yang memiliki minda yang tinggi menerusi improvisasi teater yang dipentaskan.

Besarliah harapan saya agar Pekan Teater tahun ini akan mampu melahirkan pelapis-pelapis teater yang berpotensi tinggi dan kreatif ke arah pembangunan negara sekali gus mencetuskan masyarakat penyayang yang memiliki budaya kerja cemerlang serta menerapkan nilai-nilai murni demi untuk memartabatkan seni teater ke arah kegemilangan dan kecemerlangan seni tanah air.

Tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pengelola, individu yang turut memberikan kerjasama dan juga kepada kumpulan-kumpulan yang telah berjaya melayakkan diri ke Pekan Teater Peringkat Kebangsaan pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'S' followed by a long horizontal stroke that curves upwards at the end.

DATO' SABBARUDDIN CHIK
Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan
Malaysia

SEJALUR WARNA


SAYA mengucapkan ribuan terima kasih kerana berpeluang untuk menyampaikan sepatah dua kata sempena Pekan Teater Kebangsaan 1997.

Kegiatan teater di tanah air sejak akhir-akhir ini menunjukkan kemantapan dan membanggakan. Pencapaian ini adalah hasil dari perancangan yang jitu oleh pihak Kementerian dan sokongan yang menyerlah dari pihak korporat terutamanya dalam membantu pementasan teater yang berwibawa.

Pementasan teater terutamanya di Ibu Kota Kuala Lumpur yang semakin menarik minat pelbagai golongan masyarakat termasuk golongan elit. Usaha untuk mengadaptasikan teater dari bahasa-bahasa lain ke bahasa Malaysia amat membanggakan umpamanya dari bahasa Inggeris seperti *Bakai (The Bacha)*, *Teman (Tomodachi)* dan *Itik Liar (Wild Duck)* dan ini dapat memenuhi hasrat peminat-peminat setempat dan juga menerusi cita-cita Kementerian untuk mempelbagaikan persembahan teater yang mempunyai persoalan-persoalan yang beraneka corak.

Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada enam kumpulan teater yang berjaya menyertai Pekan Teater Kebangsaan 1997. Terima kasih kepada semua para panel penilai Pekan Teater sama ada di peringkat negeri, zon dan juga kebangsaan yang bekerja dengan tekun bagi menjayakan projek ini. Tanpa sokongan dan kerjasama Kerajaan Negeri dan semua pihak iaitu pemimpin, penggiat, pelakon dan pekerja teknikal sudah tentu matlamat Pekan Teater tidak akan dicapai dengan berkesan dan berjaya.

Sekian, dan Selamat Berteleter.



DATUK ISMAIL ADAM

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
Malaysia



KATA ALU-ALUAN



PEKAN Teater telah berlangsung sejak tahun 1990 hingga kini. Usianya terus menjangkau ke dunia kedewasaan. Dalam menjangkau usia begini ibarat tujuh lautan, tujuh gunung, tujuh benua sudah direntasi. Maka adalah diharapkan, pada tahun hadapan kita dapat memikirkan dan mengisi bersama tentang tuju hala Pekan Teater untuk wawasan negara, wawasan 2020.

Misalnya, apakah erti teater kebangsaan itu yang sebenarnya? Apakah tema yang menarik untuk mencerminkan kepentingan negara masa depan? Kita perlu menghayati apakah erti teater kebangsaan dan ingin mengetahuinya sejauh mana badan-badan drama telah memupuk anggotanya ke arah itu. Kami berharap Pekan Teater akan melahirkan skrip dan pementasan drama yang bermutu dan menarik minat penonton.

Dewan Bahasa dan Pustaka mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Pekan Teater, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, TEMA dan semua pihak yang telah sama-sama menjayakan projek ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Aziz Deraman', written over a horizontal line.

HAJI A. AZIZ DERAMAN
Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa dan Pustaka

SEMARAK SEMANGAT


PEKAN Teater Peringkat Kebangsaan 1997 adalah gelanggang tempat menguji kualiti dan juga merupakan kemuncak perjuangan para aktivis teater tempatan bagi tahun ini setelah puas berusaha dan bertarung meningkatkan kemampuan masing-masing selepas berakhirnya program yang sama pada tahun-tahun yang lalu.

Semenjak tahun 1990 lagi, melalui Pekan Teater ini kita telah berusaha bersama-sama memartabatkan teater tanah air dengan harapan agar membuka mata masyarakat untuk menghargainya. Ternyata kini kita dapat berbangga dengan perkembangannya yang cukup memberangsangkan sehingga menarik minat dan perhatian khalayak yang ramai. Bukan sahaja golongan bawahan yang meminati teater malahan golongan elit dan korporat juga turut menggemari pementasan-pementasannya.

Dewasa ini masyarakat kita begitu sibuk dan ghairah mengejar kemajuan kebendaan sehingga kita terlupa peri pentingnya peranan seni budaya dalam kehidupan seharian. Melalui konsep "Teater Untuk Kemanusiaan" dan elemen-elemen tertentu dalam seni teater, saya begitu yakin tradisi berteater mampu dijadikan media pemupukan nilai-nilai murni untuk membina masyarakat jaya.

Oleh yang demikian, saya menyeru supaya usaha yang lebih giat dapat dijalankan bagi menyatu dan mengukuhkan semangat kita untuk terus berjuang memartabatkan teater yang kita cintai ini.

Nilai Murni Asas Teater.



HAJI MOHD ARIFF BIN YUSOF

Setiausaha Bahagian,
Bahagian Kebudayaan,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia



KATA ALU-ALUAN



SESUNGGUHNYA langkah serta usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKKP) menganjurkan Pekan Teater setiap tahun, bermula pada tahun 1990 amat bertepatan dengan keinginan para peminat dan penggiat teater Malaysia.

Sekadar ingin membongkar beberapa nama pemimpin, teman dan karyawan teater, antaranya Dr. Rahmah Bujang, Rohani Yousoff, Sutung Umar R.S. dan Dr. Ghouse Nasaruddin yakni pada tahun 1988 telah mencetus dan merumuskan matlamat perlunya meneruskan kembali kegiatan pertemuan teater yang terhenti pada tahun 1983.

Syukurlah, rupa-rupanya sudah lapan tahun KKKP menerajui pengelolaannya di mana kegiatan pekan teater ini boleh disifatkan sebagai wadah untuk membuka peluang aktivis teater mengasah kreativiti masing-masing di samping dapat menimba ilmu sekali gus mendorong ke arah pembangunan dan kecemerlangan seni teater tanah air.

Apa yang diharapkan semoga pengelolaan ini benar-benar melahirkan ratusan kumpulan teater yang peka terhadap keperluan persekitaran serta menjurus kepada hasrat pembangunan negara atau sekurang-kurangnya dapat memantapkan organisasi-organisasi teater di Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada KKKP kerana mengizinkan TEMA mendampingi pengelolaan Pekan Teater dan saya amat menaruh keyakinan sekiranya selepas ini melalui kesungguhan penyertaan tokoh-tokoh dan karyawan-karyawan teater dalam kerabat TEMA, ura-ura KKKP menyerahkan pengelolaan Pekan Teater secara menyeluruh kepada TEMA akan menjadi realiti. Insya Allah.

Akhir kata saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Jawatan-kuasa Pengelola di peringkat negeri, zon, kebangsaan serta para peminat dan aktivis teater yang memberi komitmen memeriahkan kegiatan Pekan Teater 1997.

Semoga kita semua memperoleh manfaatnya. Teater Di Tangan Orang Teater!

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'KAMARUZAMAN HJ. IBRAHIM', written over a simple line drawing of a signature.

KAMARUZAMAN HJ. IBRAHIM

Setiausaha Agung,
Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA)

MAJLIS PERASMIAN PEKAN TEATER

- Tarikh* ♦ 10 November 1997 (Isnin)
- Tempat* ♦ Auditorium Utama
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC)
Jalan Ampang,
KUALA LUMPUR
- Masa*
- 8.00 malam ♦ Para peserta mengambil tempat
- 8.15 malam ♦ Ketibaan para jemputan
- 8.20 malam ♦ Ketibaan Dif-dif Kehormat
- 8.30 malam ♦ Ketibaan Y. Bhg. Datuk Ismail Adam
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
- 8.35 malam ♦ Ucapan alu-aluan oleh:
Tuan Haji Mohd. Ariff bin Yusof
Setiausaha Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
- 8.45 malam ♦ Ucapan Perasmian oleh:
Y. Bhg. Datuk Ismail Adam
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
- 9.15 malam ♦ Pementasan Teater
- ♦ Jamuan Ringan
- ♦ Bersurai



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PEKAN TEATER

Tarikh •♦ 15 November 1997 (Sabtu)

Tempat •♦ Auditorium Utama
Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC)
Jalan Ampang
Kuala Lumpur

Masa

8.00 malam •♦ Para peserta mengambil tempat

8.15 malam •♦ Ketibaan para jemputan

8.25 malam •♦ Ketibaan Dif-dif Kehormat

8.30 malam •♦ Ketibaan Y.B. Dato' Teng Gaik Kwan
Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan
Malaysia


8.35 malam •♦ Pementasan Teater

•♦ Acara Selingan

•♦ Majlis Penyampaian Hadiah dan Cenderamata

•♦ Jamuan Ringan

•♦ Bersurai



ENAM KUMPULAN TEATER YANG BERJAYA KE PEKAN TEATER PERINGKAT KEBANGSAAN 1997

- (1) Grup Teater Walikota
Alor Setar, Negeri Kedah
(Drama – Jalan Sempit) ☛ *10 November 1997*
- (2) Kumpulan Penggiat Teater Sejagat (Pentas)
Universiti Putra Malaysia, Negeri Selangor
(Drama -- Angin Kering) ☛ *11 November 1997*
- (3) Kumpulan Badan Budaya Perak,
Negeri Perak
(Drama – Ludin) ☛ *12 November 1997*
- (4) Grup Teater Artis Kreatif Kuala Lumpur (GERAK)
Wilayah Persekutuan
(Drama – Peran) ☛ *13 November 1997*
- (5) Grup Teater Badan Seni Budaya Muar (BASNIDA)
Negeri Johor
(Drama – Remang Di Lorong Tua) ☛ *14 November 1997*
- (6) Penggerak Teater, Tari dan Puisi Sabah (PUTERI)
Negeri Sabah
(Drama – Bantal Impian) ☛ *15 November 1997*





SIDANG KEILMUAN

9.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI

- 10 November 1997 (Isnin) ❖ Perkembangan Pekan Teater 1990 – 1997
oleh: Encik Rosnan Nordin

- 11 November 1997 (Selasa) ❖ Teater dari Skrip ke Pentas
oleh: Cik Rosminah Mohd. Tahir

- 12 November 1997 (Rabu) ❖ Pelbagai Bentuk Pengarahan Teater
oleh: Encik Zaifri Husin

- 13 November 1997 (Khamis) ❖ Kepimpinan Dalam Organisasi Teater
oleh: Encik Mohd Husin Yahaya

- 14 November 1997 (Jumaat) ❖ Mencari Kewangan Teater
oleh: Encik Chua Tek Luwi

JAWATANKUASA MAJLIS TEATER KEBANGSAAN MALAYSIA (TEMA) TAHUN 1995 – 1997

Presiden	••	Sdr. Zakaria Ariffin
Naib Presiden	••	Sdr. Arjuna @ Mohd. Noor Yunus
Setiausaha Agung	••	Sdr. Kamaruzaman Hj. Ibrahim
Bendahari Agung	••	Sdr. Amir Nizamuddin Ahmad Mukhtar
Penolong Setiausaha	••	Sdr. Saifulkhairi Ahmad
Ahli Jawatankuasa	••	Sdr. Morad Ibrahim
		Sdr. Mustafa Abu Bakar
		Sdr. Zulkifli Ismail
		Sdr. Che Azhar Ibrahim
		Sdr. Fatimah Omar



PANEL PENILAI PEKAN TEATER 1997 PERINGKAT KEBANGSAAN

1. Dr. Abdul Samat Salleh •• Ketua Panel
2. Tuan Haji Matari A. Rahman
3. Prof. Dr. Rahmah Bujang
4. Puan Faridah Merican
5. Encik Mohamad Adnan Haji Hamzah

PANEL PENILAI PEKAN TEATER 1997 PERINGKAT ZON

1. Dr. Abdul Samat Salleh •• Ketua Panel
2. Tuan Haji Matari A. Rahman
3. Tuan Haji Marzuki Ali
4. Cik Rosminah Mohd. Tahir
5. Encik Kamaruzaman Haji Ibrahim

JAWATANKUASA PENGANJUR PEKAN TEATER PERINGKAT KEBANGSAAN 1997

PENAUNG

Y. Bhg. Dato' Sabbaruddin Chik
Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Ismail Adam
Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Y. Bhg. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka

PENGERUSI

Y.M. Dato' Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid
Timbalan Ketua Setiausaha,
Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

TIMBALAN PENGERUSI

Tuan Haji Mohd. Ariff Yusof
Setiausaha Bahagian Kebudayaan,
Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

SETIAUSAHA

Encik Mohd. Husin Yahaya
Ketua Penolong Setiausaha (PGK)
Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

PENOLONG SETIAUSAHA

Cik Junaidah Salleh
Penolong Setiausaha (PGK)
Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia

AHLI JAWATANKUASA

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Tuan Haji Supiat Mukri
Encik Yahaya Awang
Encik Mohd. Bisharuddin Mohd Nor Basha
Encik Md. Zaky Din
Puan Hajah Noorsiah Sabri
Tuan Haji Sulaiman Yusof
Encik Mohd. Sukarno Abdul Wahab
Encik Mohamed Juhari Haji Shaarani
Puan Zaiton Md. Desa
Encik Chua Tek Luwi
Puan Zahana Bidin
Cik Rosminah Mohd Tahir
Encik Zaifri Husin
Encik Rauf Puteh
Puan Haniah Haji Hassan
Encik Kudratullah Fatimy
Encik Makhzan Mahyuddin
Encik Ghazali Bidin
Encik Amran Nasaruddin
Encik Azhar Abd. Kadir
Encik Dzulkarnain Mad Aris

Encik Mazlan Yahaya
Encik Jamar Ali
Encik Jamal Bab
Encik Abd. Razak A. Rahman
Encik Abdullah Shukri Hj. Yusof
Encik Zulkifli Husin
Encik Halimi Hassan
Encik Sivakumar a/l Nagayan
Puan Mariani Ahmad
Puan Norasma Hashim
Puan Rohani Khamis
Puan Siti Fatimah Othman
Cik Zainah Hamijan
Encik Zaman Sulaiman
Encik Shariff Kailani
Encik Sabri Ahmad
Encik Jamaluddin Ahmad
Cik Madiana Ismail
Cik Rahimah Shamsudin
Encik Haslan Mohd Nasir Abdullah
Encik Muszairan Mustafa
Puan Norlijah Darus
Cik Ismarozana Ismail
Encik Tarmim Othman

Dewan Bahasa dan Pustaka

Haji Hamdan Yahya
Jalil A. Rahman
Wan Azaham Wan Mohmad
A. Ghani Abdullah
Fadzil Agussallim
Mashudi Abdullah
Satinah Husin
Jaafar Husin
Masri Mohamad Masri
Zamani Nordin
Anuar Sitam
Zaidi Mohd. Salleh

TEMA

Arjuna @ Mohd. Noor Yunus
Amir Nizamuddin Ahmad Mukhtar
Saifulkhairi Ahmad
Morad Ibrahim
Mustafa Abu Bakar
Ibrahim Hussain

PERTUBUHAN TEATER WALIKOTA, ALOR SETAR, KEDAH

PENGENALAN

Setelah terasa hampa ingin menyaksikan bendera Kedah dibawa ke peringkat kebangsaan hampir 6 tahun tidak menjelma maka dengan tekad dan azam untuk membawa bendera Kedah ke peringkat Kebangsaan terbentuklah Pertubuhan Teater Walikota, Jalam Sultanah, Alor Setar, Kedah pada 13 November 1995 dengan nombor pendaftaran 1377/95 [Kedah].

Untuk pertama kali penyertaan Pekan Teater Kedah '96 dengan drama "Pasrah" dibatalkan penyertaannya oleh pihak juri kerana masa persembahan kurang dari 45 minit.

Penyertaan kali kedua Pekan Teater '97, mendapat tempat pertama dengan mendapat anugerah pengarah terbaik dan pelakon pembantu wanita terbaik bagi watak Mak Joyah.

Laluan ke peringkat zon merupakan ujian yang besar apabila pelakon utama watak Sabihah iaitu Rohaya Basirdin dan Osman Ali yang memegang watak Munirah terlibat dengan kemalangan jalan raya yang masa untuk bertanding ke peringkat zon tinggal 11 hari lalu tempat mereka digantikan dengan pelakon yang ada sekarang ini iaitu Salina dan Shukor.

Alhamdulillah kehadiran mereka dalam membantu Grup Teater Walikota berjaya melangkah ke peringkat Kebangsaan sekali gus cita-cita dan azam ahli kumpulan Walikota untuk membawa bendera Kedah ke peringkat Kebangsaan berjaya walaupun menghadapi badai dan ombak yang datang bersilih ganti tanpa ada rasa belas kasihan dan simpati.

Sama-samalah menyaksikan hasil ilusi dan gubahan rasa dari Grup Teater Walikota.

Salam kami buat semua, kenang kami dalam doa anda.

Mempersembahkan "JALAN SEMPIT"
karya Amelia Hashim
arahan Zuraimi Zabidi

SINOPSIS

Kisah yang berlaku di ufuk sana di mana Tuk Penghulu cuba menyelesaikan masalah penduduknya termasuklah masalahnya sendiri. Kamal dan Azman yang mahukan padang permainan. Masalah Mak Joyah menuduh Pak Dolah cuba melanggarnya. Murali dan Ah Chong bergaduh. Munirah diganggu oleh Husin dan

Lebai Dahaman yang tidak membenarkan tanahnya diambil untuk dibuat jalan raya. Bagaimanakah kesudahannya?

PELAKON

Yusak Kasan	⇨	Tuk Penghulu
Sarinah Samsuri	⇨	Datin Sabihah
Mohd. Arua Rozani	⇨	Kamal
Arifin Harun	⇨	Azman
Jumeah Selamat	⇨	Mak Joyah
Zuraimi Zabidi	⇨	Dolah
Aznan Soid	⇨	Pak Leman
Md. Husin Hassim	⇨	Murali
Othman Jamaluddin	⇨	Ah Chong
Shukri Abu Bakar	⇨	Lebai Dahaman
Mohd. Shukor Yon	⇨	Munirah

TENAGA PRODUKSI

Pengarah	⇨	Zuraimi Zabidi
Teknik	⇨	Musalini Nor Musa
Props	⇨	Md. Husin Hassim
Kostum	⇨	Rosli Saidin
Pengurus Pentas	⇨	Ismail Mohamed
Pembantu Pentas	⇨	Badrul Hisham
	⇨	Jamaludin Zainuddin



KUMPULAN PENGGIAT TEATER SEJAGAT (PENTAS), SELANGOR

PENGENALAN

Kumpulan Penggiat Teater Sejagat (PENTAS) merupakan sebuah kumpulan/persatuan yang ditubuhkan di bawah Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia pada bulan November 1996. Penubuhan PENTAS adalah berdasarkan idea sekumpulan pelajar yang giat menjalankan pelbagai aktiviti kebudayaan di UPM seperti nyanyian, tarian, teater dan sebagainya. Lanjutan dari minat serta bakat yang mendalam maka wujudlah satu kumpulan/persatuan yang lebih sistematik dan kukuh supaya dapat pelajar-pelajar UPM khususnya mengasah bakat dan kreativiti dalam aktiviti kebudayaan di kampus.

PENTAS UPM bukan sahaja menjalankan aktiviti teater malah secara meluas lagi. Ia lebih bermatlamatkan memberi inisiatif dan peluang kepada setiap ahli mempelajari pelbagai aspek pengurusan pentas dan mengambil bahagian dalam setiap aktiviti kebudayaan di kampus.

PENTAS UPM mempersembahkan "Angin Kering" sebuah karya Datuk Johan Jaaffar dengan arahan Harlinda Zakaria.

SINOPSIS

Mereka terlalu inginkan deruan angin dan titisan hujan hinggakan mereka sentiasa memanggil dan mengigaukannya ... burung pun sudah berhenti menyanyi. Awan pun sudah tidak berarak lagi ... matahari terasa di ubun-ubun ... panasnya membara, panasnya membunuh!!!

Begitulah lumrah manusia ... itu juga kudrat, itu juga kehendak alam. Tiada siapapun yang dapat menyalahkannya ... yang bodoh mengaku cerdik! si miskin mengaku kaya !!!!!

BARISAN PELAKON

Patani	❖	Husalshah Rizal Hussain
Matani	❖	Norhaida Mat Noor
Si Jelita	❖	Hilda Rozita Mohd. Raffali
Mahakaya	❖	Mohd. Kamal Al H Jeffri
Mahatahu	❖	Badrul Nizar Baharom
Hamba	❖	Mohd. Ridwuan Dollah
Jiran	❖	Khairul Anuar Ahmad Zainuddin
Isteri	❖	Nor Azlin Baharuddin

TENAGA PRODUKSI

Pegawai Pengiring	❖	Mohd. Aris Fadzilah b. Abdullah
		Nor Bakri b. Ibrahim
Pengarah	❖	Harlinda Zakaria
Pen. Pengarah	❖	Shaharudin Labula
Pengurus Produksi	❖	Hilda Rozita
Pengurus Pentas	❖	Liza Ismail
Pereka Props	❖	Khairul Anuar, Riduan dan Nik Andy Suwardi
Teknikal	❖	Roey Irwan Hashim
		Samsul Bahari Sawai
		Norhaniza Abdul Ghani
		Noryuslizah Mohamed
		Azlan Mohamad
		Nazrin Md. Nasir
		Azlan Aidawati Abd. Aziz
		Nik Andy Suwardi
		Noor Fauzi Md. Saad



KUMPULAN BADAN BUDAYA PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN

Mempersembahkan "LUDIN"
karya Abdul Aziz H.M.
arahan Mohd. Rozaidi Din

SINOPSIS

"LUDIN" hasil karya Allahyarham Abdul Aziz H.M. membawa kisah tentang seorang anak muda yang pemalas hanya suka mandi di sungai, melaga ikan serta makan tidur saja, telah mengalami pelbagai peristiwa aneh di dalam mimpinya sewaktu tidur dari petang sampailah ke malam.

PARA PELAKON

Muhammad Faiz Che Ani
Hartina Jaafar
Noor Izzah Ismail
Hashrin Azli bin Ahmad Zabidi
Rashidi Abd. Kharis
Mohd. Saifful bin Mohamed Salim
Mohd. Daud Azid
Norazimah binti Abu Bakar
Mohamad Ekram b. Haronnor Rasid
Rahmah binti Mohd. Rashidi
Alyzawati binti Abdul Aziz
Zainur Akmar Hasmiza bt. Hashim
Roziela Mohd. Aris

⇨ Ludin
⇨ Limah/Gadis
⇨ Emak/Doktor
⇨ Juauh/Tak Bageh
⇨ Daud/Tuk Minduk
⇨ Korus
⇨ Korus
⇨ Korus
⇨ Korus
⇨ Penari
⇨ Penari
⇨ Penari
⇨ Penari

TENAGA PRODUKSI

Mohd. Rozaidi Din
Md. Mahayuddin Shuib
Darwam Warsidin
Mohd. Nizam b. Yang
Rosyaiful Azrey Azzadin
Ahmad Radzi Haji Hamdan
Mohd. Yusof bin Othman

⇨ Pengarah
⇨ Pengurus Pentas
⇨ Jurusolek Artis
⇨ Pengurus Kostum
⇨ Pengurus Set/Props
⇨ Pengurus Teknik
⇨ Pengurus Tari



GRUP TEATER ARTIS KREATIF (GERAK) WILAYAH PERSEKUTUAN

PENGENALAN KUMPULAN

Kumpulan ini telah ditubuhkan pada tahun 1990, dengan nama Grup Teater Artis Kreatif – G.E.R.A.K. Sehingga sekarang GERAK telah mementaskan lebih kurang 40 buah drama pentas, 2 slot puisi, 4 pentomen dan 13 episod untuk rancangan al-Furqan terbitan RTM. Selain daripada itu, GERAK juga turut menyertai segmen Panjang Akal dalam program MHI di TV3 iaitu slot Sketsa Rakyat dan Dikir Rakyat.

Memenangi 6 anugerah melalui Pekan Teater Wilayah pada tahun 1990 dengan drama Konvoquesyen Gila:

- | | | |
|------------------------------------|---|-------------------|
| 1. Drama Terbaik | ❖ | G.E.R.A.K. |
| 2. Pengarah Terbaik | ❖ | Nasir Ali |
| 3. Pelakon lelaki terbaik | ❖ | Rosli Rahman Adam |
| 4. Pelakon pembantu lelaki terbaik | ❖ | C. Saravanan |
| 5. Set Terbaik | ❖ | Zainal Ithnin |
| 6. Teknik Terbaik | ❖ | Nasir Ali |

Melalui drama Duniaku Duniamu, iaitu pada tahun 1991, Saiful Akmar Ali telah mendapat anugerah pelakon Lelaki Terbaik.

Dalam Pekan Teater Wilayah Persekutuan pada tahun 1996, drama Serunai Malam arahan Zainal Ithnin, telah muncul sebagai Naib Johan. Melalui drama ini, Azzas Aziz dan Naslinda Yusoff telah memenangi anugerah Pelakon Pembantu Lelaki & Wanita Terbaik.

Seterusnya, GERAK juga telah menggondol anugerah Drama Terbaik sekali lagi. Kali ini dengan drama “PERAN” (Pekan Teater Wilayah Persekutuan).

- | | | |
|----------------------------|---|-----------------------|
| (a) Pengarah terbaik | ❖ | Wan Soffi Megat Ahmad |
| (b) Pelakon lelaki terbaik | ❖ | Mohd. Zan Ayob |
| (c) Pelakon wanita terbaik | ❖ | Naslinda Yusoff |


GERAK mempersembahkan “PERAN” karya Noordin Hassan

SINOPSIS

Kadangkala ‘PERAN’ yang dibawa sehari-hari lebih dramatik daripada di pentas ...

Yang Ke ...

Sama-samalah kita saksikan bersama ... Selamat menonton.



BADAN SENI BUDAYA MUAR (BASNIDA), MUAR, JOHOR

PENGENALAN KUMPULAN

Badan Seni Budaya Muar (BASNIDA) ditubuhkan pada Disember 1996 dan telah didaftarkan di bawah akta pertubuhan pada 26 Disember 1996. No. pendaftaran: 3698/96 (Johor). Antara Objektif/Tujuan Badan Seni Budaya Muar ini ditubuhkan ialah:

- Mempertingkatkan lagi kebudayaan yang ada di Malaysia, khususnya Daerah Muar seperti teater, tarian tradisional, muzik tradisional dan penulisan kreatif.
- Melahirkan individu yang bermotivasi, berpandangan luas, kreatif, inovatif dan produktif ke arah kebudayaan tradisional.
- Memelihara seni budaya tradisional supaya menjadi kekal untuk generasi akan datang.
- Menarik dan memupuk belia dan beliawanis ke arah kebudayaan Malaysia di samping membantu kerajaan dalam mengatasi budaya lepak di kalangan remaja.

Kini ahli Badan Seni Budaya Muar (BASNIDA) seramai 60 orang terdiri berbilang kaum. Kegiatan yang pernah dijalankan; Bengkel Asas Teater, tarian, muzik dan penulis kreatif dan beberapa persembahan pernah diadakan di Daerah Muar, moto: *Menegak Budaya ke Arah Wawasan*.

BASNIDA mempersembahkan Remang Di Lorong Tua, karya Othman Hj. Zainuddin dengan arahan Ahmad Zaki Zainuddin.

SINOPSIS

... Long Mat Hasan seorang penggesek biola tua. Bekas nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan dengan menggunakan seninya. Panggung tempat dia bermain dibakar dan dia menjadi buta. Bersama-sama isterinya

yang cantik bernama Aisyah, Long Mat Hasan sampai ke sebuah lorong yang penuh cerita. Awang Lebai Mat yang berfahaman *ortodoks*, telah menolak segala bentuk seni. Dia hanya melihat kebenaran melalui kaca matanya sendiri. Syamsir, anaknya menentang lalu melarikan diri. Kedatangan Long Mat Hasan menjadi alasan untuknya melepaskan kekecewaan dan dendam terhadapnya. Baginya biola simbol kejahatan "*Barang sehabis jahanam di lorong ini*" lalu melepaskan geramnya terhadap Long Mat Hasan. Imam Muda Hasyim yang lebih terbuka, malah telah mengajak Long Mat Hasan bermain biola di majlis perkahwinan anaknya Zaleha. Awang Lebai Mat terpicik kepada kecantikan Aisyah lalu mengambil kesempatan dengan berpura-pura terhadap Long Mat Hasan. Akhirnya Long Mat Hasan mati apabila mengetahui Awang Lebai Mat cuba memperlmainkannya. Awang Lebai Mat yang bernafsu buas juga mati setelah ditimpa runtuh rumah. Kelemahan dan kesombongan manusia menjadi momokannya.

PELAKON

Ahmad Zaki Zainuddin	◆	Long Mat Hasan
Mislina bt. Mustaffa	◆	Aisyah
Azizi bin Mohd. Said	◆	Awang Lebai Mat
Mohd Safiri bin Abu Hassan	◆	Imam Muda Hasyim
Mohd. Fairuz bin Zainal Abidin	◆	Syamsir
Noraini bt. Haron	◆	Zaleha
Rosdeen bin Suboh	◆	Jiran I
Kasma bt. Mohamad	◆	Jiran II
Lizawaty bt. Othman	◆	Jiran III
Bob Hazli Hassan	◆	Budak I
Norlee bt. Abu Bakar	◆	Budak II
Suhaimi bin Suandi	◆	Budak III
Siti Zaharah bt. Salihan	◆	Budak IV

TENAGA PRODUKSI

Penaung



Dato' Lokman bin Thany
Pegawai Daerah Muar
Merangkap Pengerusi
Majlis Kebudayaan Daerah Muar

Penasihat



En. Zulkarim Daud

Pengerusi



Pizi bin Jihat

Pengarah



Ahmad Zaki Zainuddin

Penolong Pengarah



Rosdeen bin Suboh

Pengurus Pentas
Juruteknik



Md. Fairuz bin Zainal Abidin



Azizi bin Mohd. Said

Jurusolek



Zamry bin Othman

Mislina bte Mustaffa

Norhayati bte Patah

Pemuzik



Cheng Swee Chern

Petugas Pentas



Karim bin Nemat



Mahadzir Oyub



Ahmad Sukri



PENGGERAK TEATER, TARI DAN PUISI SABAH (PUTERI)

PENGENALAN KUMPULAN

Kumpulan ini ditubuhkan pada 1 Disember 1989 dan aktif di Sabah. Ada ahlinya memenangi Hadiah Utama dan sagu hati Pertandingan Menulis Skrip Drama Sebabak Peringkat Kebangsaan anjuran TEMA, Berita Harian dan MAS.

Maskuji Maturon berjaya setelah mengutarakan karyanya, *Tetamu*, diikuti Saikau Adau (Mendiang) yang menghasilkan *Nokta*. Ahli-ahli PUTERI aktif menyertai Pekan Teater sejak awal lagi hingga ke hari ini. Pada tahun 1997 ini, PUTERI mendapat penghormatan setelah dipilih sebagai Drama Terbaik, selain memenangi hadiah Pengarah Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik, dengan mewakili Sabah ke Pekan Teater Zon Timur. Mereka mementaskan teater bertajuk *Bantal Impian*, karya asal, Yukio Mishima, sasterawan Jepun yang memenangi Nobel Prize (hadiah sastera antara-bangsa). Penyair-pelukis Malaysia, Abdul Latif Haji Mohidin menterjemahkan skrip terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini ke bahasa Melayu.

PUTERI mempersembahkan drama 'Bantal Impian'.

SINOPSIS

Jiro mencari Kiku, bekas pengasuhnya semata-mata kerana sebiji bantal ajaib milik turun-temurun keluarganya. Jiro terperangkap dalam jaringan dunia atma jiwa impian. Jiro ketemu bekas setiausaha ayahnya lantas diserang al-naf dan amarah apabila Si Jelita yang menjelma dalam diri hingga memaksanya berkahwin. Kepimpinan Jiro tidak diterima kerana dia dianggap pemimpin yang gemar tidur. Dia dihukum minum racun sebagai balasan oleh seorang profesor. Jiro membunuh bayinya sendiri yang bermuka menyerupai mukanya. Namun, Jiro terselamat daripada kematian.

PELAKON

Jiro	❖ Samsuddin Ibnu Hassan
Kiku dan Si Jelita	❖ Salmah Lok
Setiausaha	❖ Mardan Asing
Profesor	❖ Maskuji Maturon
Si Chaplin	❖ Masruh Siadik



SENARAI PEMENANG PEKAN TEATER KEBANGSAAN 1996

- | | | | |
|--------|--|----------------|---|
| (i) | Gabungan Anak Seni Teater ITM Perak
(Juara) | •◆
•◆
•◆ | dengan wang tunai RM5 000.00
Piala Pusingan
Piala Iringan |
| (ii) | Tamu Sri Kuching
(naib Juara) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM4 000.00
Piala Iringan |
| (iii) | Pendeta Kolektif Sabah
(Ketiga) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM3 000.00
Piala Iringan |
| (iv) | Farid Hashim
(Pengarah Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM2 000.00
Piala Iringan |
| (v) | Jamshari Salli
(Pelakon Lelaki Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM1 000.00
Piala Iringan |
| (vi) | Rohana Yusof
(Pelakon Wanita Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM1 000.00
Piala Iringan |
| (vii) | Amran Nor Anwar
(Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM500.00
Piala Iringan |
| (viii) | Norhayati Mohd. Darin
(Pelakon Pembantu Wanita Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM500.00
Piala Iringan |
| (ix) | Tamu Seri Kuching
(Teknik Terbaik) | •◆
•◆ | dengan wang tunai RM500.00
Piala Iringan |



GAMBAR-GAMBAR PEKAN TEATER TAHUN 1996



GABUNGAN ANAK SENI TEATER ITM PERAK (JUARA)



"KERUSI" GABUNGAN ANAK SENI TEATER ITM PERAK (JUARA)



TAMU SRI KUCHING
(NAIB JUARA)

PENDETA KOLEKTIF SABAH
(KETIGA)



"IMBAS" KUMPULAN ARTIS TEATER
AMATUR (KATA) MELAKA



"JANGAN BUNUH RAMA-RAMA" KELAB TEATER RIMBA, UKM SELANGOR



"WAK CHANTOK" ANGKATAN SERI JOHOR (ASJ) JOHOR

TERIMA KASIH kepada



Percetakan Asni Sdn. Bhd.

Jelempek K.G. Enterprise

Wisma Belia

Restoran Belia Sdn. Bhd.

Jay Bee Caterers

Samiha Catering Sdn. Bhd.

Creative Holidays

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Kumpulan Teater

Orang Perseorangan

dan

Semua yang terlibat



